



15 Jun 2023

## KENYATAAN MEDIA MINGGUAN PAC

### Pelantikan Ketua Audit Negara

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi sebagai Ketua Audit Negara (KAN) yang berkuat kuasa mulai 13 Jun 2023 dan terima kasih kepada KAN kerana telah hadir dalam mesyuarat pra prosiding PAC.
2. PAC juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mendengar pandangan PAC untuk melantik KAN dengan kadar segera susulan sidang media PAC pada minggu lepas.
3. Berhubung kenyataan saya pada minggu lepas berkaitan pelantikan Ketua Audit Negara bukan daripada kalangan bekas Ketua Setiausaha (KSU), saya ingin menjelaskan bahawa apa yang saya nyatakan minggu lepas adalah lantikan KAN bukan tempat untuk diletakkan bekas KSU yang sudah tamat perkhidmatan. Sebenarnya, yang paling penting mereka yang layak terutama sekali yang pernah mengendalikan kewangan, pembangunan dan perolehan kerana berdasarkan pengalaman berada di prosiding, mereka yang mempunyai pengetahuan dalam ketiga-tiga perkara ini amatlah dituntut dan diperlukan untuk menjawat jawatan tersebut.

4. Kalau kita lihat profile YBhg Datuk Wan Suraya, beliau berusia 54 tahun dan masih berkhidmat dalam perkhidmatan awam, jawatan terakhir sebagai Pengerusi Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) dan pernah berkhidmat sebagai TKSU di MITI, KSU di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Perpaduan.
5. Semoga jalinan kerjasama dan persefahaman baik di antara PAC dan Jabatan Audit Negara dapat diteruskan demi melindungi kepentingan negara dan rakyat.

**Prosiding Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combatant Ship (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan**

6. Seperti dimaklumkan, PAC telah mengadakan Prosiding Kemajuan Projek Pembinaan LCS pada 10 Jun 2023 yang telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan; YBhg. Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman, Ketua Lembaga Pengarah Boustead Naval Shipyard (BNS); serta YBrs. Encik IR. Azhar Jummat, Ketua Pegawai Eksekutif BNS.
7. Sehubungan itu, PAC ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pertahanan, Tentera Laut Diraja Malaysia dan BNS ke atas kerjasama yang telah diberikan.
8. Seterusnya, PAC akan memanggil Kementerian Pertahanan pada bulan September bagi mendapatkan penjelasan berkenaan Kemajuan Projek Pembinaan LCS bagi bulan Jun 2023 sehingga September 2023.
9. PAC akan membentangkan 2 Laporan berkenaan Kemajuan Projek LCS, yang akan menyentuh kemajuan pembinaan LCS yang dicapai dari bulan Oktober 2022 sehingga Mei 2023 dan dari Jun 2023 sehingga September

2023 pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen ke-15 2023 yang akan diadakan bermula 9 Oktober 2023 sehingga 30 November 2023 untuk dibahaskan.

## **Prosiding PAC berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021**

### **Siri 2**

10. Seperti yang telah saya jelaskan dalam sidang media pada 8 Jun 2023, PAC telah memanggil 2 Kementerian bagi mendapatkan penjelasan seperti berikut:-
  - i. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 14 Jun 2023 bagi isu kelemahan dalam terimaan dana berbentuk kewangan dan aset serta bayaran tidak teratur Skim Subsidi Harga Padi; dan
  - ii. Kementerian Kesihatan pada 15 Jun 2023 bagi isu sejumlah 1.1 juta dos vaksin telah luput tempoh jangka hayat setakat 30 April 2022, isu 93 unit ventilator tidak dapat digunakan daripada 136 unit ventilator diperoleh serta nisbah penggunaan boot cover dan protective suit/coverall berbanding baki stok adalah sebanyak 2.2% dan 3.1% dengan baki sebanyak 3.08 juta dan 0.84 juta pasang masing-masing.
11. Buat masa ini, PAC sudah mendengar penjelasan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Kementerian Kesihatan,
12. PAC juga komited untuk membentangkan laporan berkenaan isu-isu ini untuk dibahaskan pada Mesyuarat Ketiga nanti.

**MENYAHKLASIFIKASI LAPORAN SIASATAN JAWATANKUASA SIASATAN TADBIR URUS, PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN (JKSTUPKK) BERHUBUNG PROJEK LAND SWAP DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

13. Untuk makluman, Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) pernah membentangkan 3 laporan kepada PAC Parlimen ke-14 seperti berikut:-
- i. Laporan JKSTUPKK berhubung *Automated Enforcement System* (AES) pada 16 November 2020;
  - ii. Laporan JKSTUPKK berhubung Perolehan Enam Buah *Second Generation Patrol Vessel* (SGPV), Berkeupayaan *Littoral Combatant Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia pada 1 Disember 2020; dan
  - iii. Laporan JKSTUPKK berhubung Projek *Land Swap* di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia pada 2 April 2019 dan 16 November 2020.
14. 2 daripada 3 Laporan JKSTUPKK ini telah dinyaklasifikasi oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu Laporan AES pada 8 Julai 2022 dan Laporan Perolehan Enam Buah SGPV, berkeupayaan LCS Tentera Laut Diraja Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia pada 17 Ogos 2022.
15. Laporan Projek *Land Swap* di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia masih belum dinyaklasifikasi dan memandangkan JKSTUPKK telah dibubarkan, saya telah menulis sepucuk surat kepada YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) untuk menyahklasifikasi laporan ini supaya PAC Parlimen ke-15 dapat melihat semula perkara ini.

**PELANGGARAN PERATURAN MESYUARAT 85 PERATURAN-  
PERATURAN MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT (PPMMDR) DAN  
SEKSYEN 9 (M) AKTA MAJLIS PARLIMEN (KEISTIMEWAAN DAN  
KUASA) 1952 [Akta 347]**

16. Akhir kata, PAC memandang serius terhadap perbuatan menyiarkan apa-apa keterangan dan dokumen yang dikemukakan kepada PAC sebelum PAC mengemukakan laporannya kepada Majlis.
17. Perbuatan ini jelas melanggar Peraturan Mesyuarat 85 PPMMDR dan Seksyen 9 (m) Akta 347 sekali gus mengganggu siasatan, rumusan serta syor PAC.
18. Oleh yang demikian, saya menyeru semua pihak terutamanya media massa untuk mendapatkan perkembangan prosiding daripada PAC sendiri terutamanya saya dan menghormati siasatan prosiding PAC dengan tidak mendapatkan berita daripada sumber yang tidak sah.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
Pengerusi PAC Parlimen**